

TERMA DAN SYARAT YANG MENGAWAL KEMPEN “PB DEPOSIT TETAP / DEPOSIT BERTEMPOH-i”

Kempen “PB Deposit Tetap / Deposit Bertempoh-i” (“Kempen”) ini dilancarkan bersama-sama oleh Public Bank Berhad No. Pendaftaran 196501000672 [6463-H] (“PBB”) dan Public Islamic Bank Berhad No. Pendaftaran 197301001433 [14328-V] (“PIBB”). Terma dan syarat yang berikut mengawal Kempen ini yang ditawarkan kepada Peserta yang Layak, seperti yang diperincikan di bawah: -

1. Tempoh Kempen

- 1.1 Kempen ini akan berlangsung dari **12 Ogos 2020 hingga 31 Oktober 2020**, [termasuk kedua-dua tarikh tersebut (“Tempoh Kempen”)].
- 1.2 Kempen ini boleh didapati di semua cawangan PBB dan PIBB di Malaysia.

2. Kelayakan

- 2.1 Peserta-peserta yang berikut layak untuk mengambil bahagian (“Peserta yang Layak”) dalam Kempen ini:
 - a) semua individu pelanggan PBB dan PIBB yang baharu dan sedia ada;
 - b) individu berumur 18 tahun dan ke atas pada waktu penyertaan (pemegang akaun persendirian atau bersama termasuk akaun bagi pihak PBB dan/atau PIBB) termasuk bukan pemastautin, kakitangan tetap atau kontrak PBB, PIBB dan Public Investment Berhad.
- 2.2 Untuk akaun bagi pihak, Peserta yang Layak adalah nama ibu atau bapa / penjaga yang sah dalam akaun berkenaan dalam rekod PBB / PIBB.
- 2.3 Bukan individu tidak layak untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini iaitu keempunyaan tunggal, perkongsian, entiti korporat, persatuan, kelab dan pertubuhan.
- 2.4 Dana yang digunakan untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini mestilah dana baharu. “Dana baharu” merujuk pada dana yang bukannya daripada akaun deposit sedia ada milik Peserta yang Layak yang dikekalkan dengan PBB / PIBB tetapi merujuk pada dana baharu dalam bentuk yang berikut:
 - a) Tunai yang diterima daripada sumber luar;
 - b) Prosid daripada pendebitan suatu akaun (dengan syarat sumber dana tersebut adalah dana baharu yang didepositkan dalam akaun berkenaan);
 - c) Prosid daripada cek sendiri daripada pihak ke-3;
 - d) Prosid daripada cek tempatan; dan/atau
 - e) Prosid daripada Pindahan Telegraf (TT) / GIRO Antara Bank (IBG) / RENTAS daripada bank-bank lain.

- 2.5 Dalam tempoh tujuh (7) hari kalendar selepas dana baharu tersebut dipindahkan ke PBB / PIBB dalam mana deposit tersebut disimpan, Peserta yang Layak mesti mengunjungi PBB / PIBB untuk memaklumkan / membenarkan PBB / PIBB untuk melaksanakan peletakan tersebut.
- 2.6 Kempen ini **tidak** sah dengan promosi produk lain yang ditawarkan serentak oleh PBB dan/atau PIBB.

3. Butir-butir Kempen:-

- 3.1 Produk yang Layak* di bawah Kempen ini adalah seperti yang berikut:

Bil.	Produk yang Layak*	
1	Deposit Tetap PLUS (DT PLUS)	Konvensional
2	Deposit Bertempoh-i (DB-i)	Islam

* Dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.

- 3.2 Peletakan deposit dalam Kempen ini tertakluk pada had minimum dan maksimum seperti yang berikut:

Peletakan Deposit	
Minimum	Maksimum
RM10,000 setiap resit	RM10 Juta (setiap pelanggan bagi setiap Produk yang Layak)

- 3.3 Peletakan baharu itu mesti dibuat semasa Tempoh Kempen.
- 3.4 Peserta yang Layak dibenarkan untuk membuat peletakan dalam DT PLUS / DB-i dalam resit berganda tertakluk pada amaun minimum sebanyak RM10,000 bagi setiap resit.
- 3.5 Kadar faedah / keuntungan promosi yang ditawarkan di bawah Kempen ini adalah seperti yang berikut:

Tempoh	Kadar Faedah / Keuntungan Promosi (% setahun)
3 Bulan	2.08
8 Bulan	2.28

- 3.6 Peletakan DT PLUS / DB-i itu hanyalah untuk 3 bulan atau 8 bulan sahaja. Kadar faedah / keuntungan promosi hanya diterima pakai untuk satu (1) pusingan sahaja. Peletakan DT PLUS / DB-i itu akan diperbaharui secara automatik bagi tempoh 3 bulan atau 8 bulan pada kadar kaunter semasa PBB / PIBB dengan faedah DT PLUS / keuntungan DB-i (mana-mana yang berkenaan) akan ditambah kepada amaun pokok atau dikreditkan ke dalam Akaun Semasa / Akaun Semasa-i atau Akaun Simpanan / Akaun Simpanan-i (CASA / CASA-i) yang ditentukan milik Peserta yang Layak apabila matang.
- 3.7 Faedah atau keuntungan (mana-mana yang berkenaan) dikira berdasarkan bilangan hari sebenar.
- 3.8 Kadar faedah / keuntungan promosi ini adalah tetap semasa penyertaan / peletakan.
- 3.9 Apabila matang, faedah DT PLUS / keuntungan DB-i (mana-mana yang berkenaan) akan ditambah kepada amaun pokok atau dikreditkan ke dalam CASA / CASA-i yang ditentukan milik Peserta yang Layak menurut peraturan pengendalian biasa PBB / PIBB bagi pengkreditan faedah DT PLUS / keuntungan DB-i (mana-mana yang berkenaan) dalam CASA / CASA-i.
- 3.10 **Peletakan deposit di bawah Kempen ini yang dikeluarkan sebelum matang, sebahagiannya atau sepenuhnya, semasa tempoh masa berkenaan, tidak layak untuk mendapat apa juga faedah / keuntungan (mana-mana yang berkenaan).**

Syarat di atas akan terus diterima pakai apabila peletakan DT PLUS / DB-i itu diperbaharui.

- 3.11 Pengeluaran sebahagian peletakan dalam DT PLUS / DB-i **tidak** dibenarkan.
- 3.12 Semua arahan bagi pengeluaran sebelum matang peletakan DT PLUS / DB-i mesti dibuat dengan memberi arahan bertulis yang jelas dan tepat dan ditandatangani dengan sewajarnya oleh penandatangan yang dibenarkan bagi akaun tersebut berkaitan dengan pengeluaran dan pelupusan deposit berkenaan. PBB dan PIBB berhak untuk menolak / mengelak daripada melaksanakan arahan tersebut sekiranya tandatangan pada dokumen seumpama itu, pada pandangan PBB / PIBB, berbeza daripada tandatangan contoh yang diberi, mengikut keadaan. Semua pindaan dalam arahan tersebut hendaklah disahkan dengan tandatangan seperti mana tandatangan contoh.
- 3.13 Apa-apa peletakan yang dibuat dalam Produk yang Layak dalam Kempen ini tidak dibenarkan untuk dijadikan sandaran bagi apa-apa overdraf / kemudahan tunai-i/ kemudahan atau pembiayaan lain.

4. Hak PBB dan/atau PIBB

4.1 Melainkan bagi kadar faedah / keuntungan promosi yang dinyatakan dalam Perkara 3.5 di atas adalah tetap semasa penyertaan / peletakan tersebut, PBB dan PIBB boleh meminda, memotong dan/atau membuat penambahan pada mana-mana Terma dan Syarat dari semasa ke semasa dengan memberi notis terlebih dahulu sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar melalui laman web PBB dan/atau PIBB atau apa-apa kaedah komunikasi lain yang diluluskan dan pindaan, potongan atau penambahan sedemikian hendaklah berkuat kuasa pada tarikh sebagaimana yang akan ditetapkan oleh PBB dan/atau PIBB. Dengan terus mengambil bahagian dalam Kempen ini, Peserta yang Layak bersetuju untuk terikat dengan pindaan, potongan atau penambahan Terma dan Syarat seumpama itu seperti yang dinyatakan di atas.

5. Lain-lain

5.1 Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, Peserta yang Layak:-

- a) bersetuju bahawa terma dan syarat ini akan diguna pakai bersama-sama dengan Peraturan-peraturan yang mengawal pembukaan dan pengendalian Produk yang Layak dengan PBB dan/atau PIBB, yang sesalinannya telah diberikan kepada Peserta yang Layak. Sekiranya terdapat konflik atau percanggahan antara terma dan syarat ini dengan Peraturan-peraturan yang mengawal pembukaan dan pengendalian Produk yang Layak tersebut, terma dan syarat ini akan diberi keutamaan dan didahulukan;
- b) bersetuju dan membenarkan maklumat berkenaan dengan Produk yang Layak itu untuk diproses, dikumpul, digunakan dan disimpan oleh PBB dan/atau PIBB bagi tujuan Kempen ini; dan
- c) bersetuju bahawa keputusan PBB dan/atau PIBB adalah muktamad.

5.2 Untuk membaca Notis Kerahsiaan PBB atau PIBB mengenai bagaimana PBB / PIBB menggunakan maklumat anda atau sekiranya anda ingin mendapat berita mengenai produk dan perkhidmatan PBB atau PIBB termasuk tawaran promosi dan bahan pemasaran PBB dan/atau PIBB, sila layari www.pbebank.com atau www.publicislamicbank.com.my atau kunjungi mana-mana cawangan PBB atau PIBB.

Ruang Selebihnya pada Muka Surat ini Sengaja Dibiarkan Kosong
